



Memori KORPORAT

UiTM DALAM SEJARAH

SEJARAH PENUBUHAN PENERBIT UiTM (UiTM PRESS)

TARIKH	PERISTIWA
10 Januari 1981	Biro Penyediaan Teks atau ringkasannya BIROTEKS telah ditubuhkan. Jabatan pengurusan BIROTEKS telah ditempatkan di Bangunan Wawasan UiTM yang dulunya turut menempatkan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (Hot Cat). Fungsi penubuhan BIROTEKS adalah sebagai sebuah platform kepada ahli-ahli akademik serta bukan akademik dari Institut Teknologi MARA (ITM) untuk menerbitkan sebuah terbitan penulisan yang berunsurkan ilmiah, intelektual serta kreatif.
15 Julai 2001	Strategi Penyatuan UiTM telah bersetuju memberikan nafas baharu dengan menamakan BIROTEKS kepada Unit Penerbitan Akademik (UPENA).
29 November 2001	Naib Canselor UiTM, Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah telah menukarkan nama Unit Penerbitan Akademik kepada Pusat Penerbitan Universiti. Walaupun berlaku pertukaran nama namun akronim UPENA masih dikekalkan. Pejabat pengurusan UPENA berada di bangunan lama Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (Hotel Catering). Sementara pejabat Unit Latihan dan Jualan berada di Blok 9, INTEKMA Resort.
15 November 2011	Mulai 2011 pusat penerbitan UiTM diletak di bawah BHEAA dan pengurusan penerbitan memutuskan untuk tidak menggunakan akronim UPENA . Pejabat pengurusan dan semua unit berpindah ke Blok 9 INTEKMA Resort & Convention Centre pada bulan April tahun yang sama dan mengorak langkah untuk proses penjenamaan semula. Pada 12 Oktober 2011, Jawatan Kuasa Eksekutif (JKE) UiTM meluluskan perubahan nama Pusat Penerbitan kepada Penerbit UiTM (UiTM Press) berkuatkuasa 15 November 2011. Perubahan nama ini memberi nafas baharu dalam proses penerbitan dengan menekankan pada aspek teknikal pembuatan buku.



Sumber :

- Dari BIROTEKS ke Penerbit UiTM, 2014